

**Bola sepak sumbang pembinaan negara bangsa-Najib
Utusan Online
08 April, 2012**

KUALA LUMPUR 8 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bola sepak bukan sekadar sukan tetapi ia industri yang menyumbang kepada pembinaan negara bangsa melalui nilai ekonomi serta perpaduan di kalangan rakyat.

Beliau berkata, sumbangan bola sepak kepada pembinaan negara bangsa akan lebih hebat jika Malaysia layak bertanding di Sukan Olimpik dan Piala Dunia kerana ia bakal menggerakkan gelombang sokongan rakyat.

Sehubungan itu, beliau gembira dan menyambut baik usaha untuk membangunkan industri bola sepak Malaysia secara terancang, bermula dari peringkat akar umbi yang kini dilaksanakan melalui Liga 1Malaysia Cardiff City (1MCC).

"Saya penuh yakin masa depan bola sepak Malaysia akan lebih menyinar dengan adanya pembangunan di peringkat akar umbi yang sistematik seperti dilaksanakan 1MCC, rakyat kita cukup ghairah dengan bola sepak.

"Mereka lebih banyak bercakap mengenai bola berbanding politik dan saya dapat lihat bila kita menang emas Sukan SEA serta juara Piala Suzuki," katanya semasa berucap merasmikan Liga 1MCC-Astro Kem Bola, di Institut Penyelidikan Getah, Sungai Buloh, di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0408&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_09.htm